



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR GIAT BURU PELAKU PEMBUANGAN HARAM BAHAN KIMIA DI KAJANG

3 Februari 2021, KAJANG – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor sedang menjalankan siasatan berhubung aduan kejadian pembuangan haram bahan kimia di rezab Sungai Langat, Taman Seri Reko, 43000 Kajang, Selangor. Pihak JAS sedang giat memburu pelaku yang bertanggungjawab terhadap insiden ini dan tangkapan akan dibuat ke atas orang yang disyaki dalam masa terdekat.

Pemeriksaan yang bermula petang semalam mendapat terdapat sejumlah 21 tong berisi larutan cecair yang berbau seperti pelarut. Tiada pertumpahan cecair dikesan di atas tanah semasa siasatan dan tidak kelihatan sebarang cecair mengalir di atas tanah.

JAS Negeri Selangor telah menutup kawasan ini bagi mengelakkan sebarang kesan bahan kimia kepada orang awam. Manakala sampel bahan kimia tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis.

Kertas Siasatan telah dibuka untuk pendakwaan di mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 seperti berikut:

- i. Seksyen 34A iaitu gagal mengemukakan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling (EIA) dari aktiviti yang ditetapkan (penstoran luar tapak);
- ii. Seksyen 34B iaitu menempatkan buangan terjadual di premis tanpa mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah;
- iii. Seksyen 18(1) iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa lesen daripada Ketua Pengarah; dan
- iv. Seksyen 19(a) iaitu menjalankan aktiviti di premis yang ditetapkan tanpa mendapat apa-apa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.

UNTUK SIARAN SERTA MERTA – 3 FEBRUARI 2021

Agensi-agensi yang terlibat dalam siasatan insiden ini termasuklah Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat (PTDHL), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Kualiti Alam Sdn. Bhd.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada orang awam yang melaporkan mengenai kejadian ini dan sebarang aduan pencemaran hendaklah dilaporkan terus ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

PUAN NORLIN JAAFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Putrajaya

Dikeluarkan pada 3 Februari 2021

Gambar-gambar di lokasi



Pegawai JAS sedang mengambil sampel bahan kimia



Pegawai JAS dan agensi-agensi lain sedang menjalankan siasatan

UNTUK SIARAN SERTA MERTA – 3 FEBRUARI 2021



Kelihatan tong-tong yang dibuang di tapak premis berhampiran sungai